

'Kepercayaan orang ramai tak berganjak'

KUALA LUMPUR, Ahad — Kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Tampin membuktikan kepercayaan orang ramai terhadap parti pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak berganjak, kata Datuk Musa Hitam, hari ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata, majoriti besar yang diperolehi oleh calon Barisan Nasional, Encik Omar Abdullah, adalah petanda bahawa perjuangan parti lawan tidak mendapat tempat di negara ini.

"BN berjaya mengalahkan parti-parti lawan kerana rakyat sentiasa memahami hasrat dan cita-cita kerajaan untuk mewujudkan sebuah negara yang beratu padu dan gilang-gemilang, sesuai dengan kehendak dan impian rakyat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

"Majoriti yang besar ini memukul hebat cita-cita parti lawan hendak bertapak di Tampin dan adalah petanda bahawa perjuangan mereka tidak mendapat tempat di negara ini," katanya dalam kenyataan yang mengulas kemenangan Encik Omar.

Datuk Musa, yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim dan Menteri Besar, Datuk Mohamad Isa Samad, yang berusaha menjalankan kempen sehingga calon BN berjaya memenangi pilihanraya kecil itu dengan majoriti terbesar.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua pengundi yang telah menunjukkan kebijaksanaan memilih Encik Omar dan jentera parti serta penyokong BN yang bertungkus lumus berusaha menentukan kemenangan parti itu.

Presiden Pas, Haji Yusof Rawa, dalam ulasannya pula berkata, Pas telah menjangkakan kekalannya kerana Tampin adalah kubu kuat Barisan Nasional.

Beliau berkata, kekalahan adalah perkara biasa

bagi Pas kerana bukan tujuan parti itu untuk menyertai sebarang pilihanraya cuma untuk memenangnya.

"Yang penting ialah kami beruntung dapat menyampaikan mesej mengenai dasar Pas yang berideologikan Islam kepada pengundi," katanya.

Di Pasir Mas, Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Haji Hussein Ahmad, berkata kemenangan BN menunjukkan sokongan jitu rakyat kepada parti itu.

Beliau mengkritik Pas kerana masih tidak mahu sedar bahawa perjuangannya adalah sia-sia dan tidak akan diterima oleh rakyat tempatan.